


Kuda laut pigmi

tarikan pencarian spesies mikro Mabul

SPESIES belut ular merupakan antara tarikan utama di Pulau Mabul.




GHOST Pipefish pula sering dicari-cari oleh jurufoto dasar laut.



MANDARINFISH merupakan superstar dalam setiap selaman di Mabul.



WALAU PUN siput tanpa cengkerang banyak terdapat di perairan negara tetapi Mabul mempunyai lebih banyak spesies dan saiz.



KEUNIKAN dan lemah lembut manja kuda laut pigmy (atas) sering membuat penyelam skuba tidak puas untuk mencarinya sendiri di kipas laut Gorgonian (gambar besar).

Oleh MOHD. HAZLI HASSAN
[rekreasi@utusan.com.my]
Gambar WWW.DIVETENGGARA.COM

MENCARI spesies mikro untuk fotografi dasar laut kini semakin diminati di kalangan penyelam skuba. Malah ia juga seiring dengan dengan pembangunan dan penyelidikan yang dijalankan oleh pengeluar kamera digital.

Lebih-lebih lagi kini, dengan hanya sekitar RM2,000, seorang penyelam skuba itu boleh menghasilkan gambar digital berkualiti yang mampu menandingi jurufoto dasar laut yang menggunakan peralatan bernilai sebuah kereta Perodua Myvi.

Ini ditambah dengan pulau-pulau di sekitar negara yang terkenal di pesisir dunia kerana mempunyai pelbagai spesies mikro terbaik sehingga menjadi tumpuan.

Salah satu lokasi berkenaan ialah di Pulau Mabul, Sabah yang juga merupakan antara pulau berdekatan dengan Pulau Sipadan.

Menariknya di sini, walaupun keadaan persekitaran dasar lautnya kurang cantik ekoran

kurangnya batu karang berwarna warni namun ia merupakan lokasi selam skuba *muck* atau kawasan dasar pasir dengan batu karang keras yang menjadi habitat spesies mikro.

Antara yang menarik ialah *Mandarinfish*, *Frogfish*, *Ghost Pipefish*, pelbagai spesies udang tanpa cengkerang termasuk kuda laut pigmi (*Hippocampus bargibanti*) yang hanya sebesar satu sentimeter.

Kuda laut pigmi ini walaupun kecil tetapi sering dicari-cari dan tidak sah kalau tidak merakamkan fotonya ketika berada di Pulau Mabul dan ada yang mengatakan ia berbahaya.

Lebih menarik, untuk mencarinya, seorang penyelam skuba perlu mendapatkan perkhidmatan ketua selam skuba yang sudah biasa dengan persekitaran kawasan berkenaan kerana jika mencari sendiri, penyelam skuba bakal pulang dengan tangan kosong.

Namun, pencarian itu sebenarnya merupakan salah satu daripada perkara yang ingin dilakukan oleh seorang penyelam skuba, tidak kira dia pernah atau tidak menyelam di kawasan kuda laut pigmi.

Ini berikutan, melihat dan merakamkan spesies

mikro ini merupakan satu cabaran lebih-lebih lagi, penyelam skuba perlu menghabiskan banyak wang ringgit dalam perjalanan yang jauh untuk ke situ.

Ini berlaku kepada dua orang rakan baik ketika mereka menyelam di Pulau Mabul, salah satu destinasi selam skuba spesies mikro terbaik dunia.